

Khairy terima suntikan vaksin Sinovac 18 Mac di Hospital Rembau

Fauzi Suhaimi
Mac 15, 2021 15:23 MYT



Khairy akan menjadi individu pertama menerima suntikan vaksin itu di negara ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia akan menggunakan vaksin Sinovac keluaran China mulai 18 Mac ini di Hospital Rembau, Negeri Sembilan.

Menurut Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, beliau akan menjadi individu pertama menerima suntikan vaksin jenis itu di negara ini.

Berita Berkaitan

Lagi


MALAYSIA

25:47

AWANI Pagi: Selebriti Selasa | Apa kisah disebalik Projek: Anchor SPM?

"Pada 18 Mac, kita akan mula vaksinasi menggunakan vaksin Sinovac di Hospital Rembau dan sayalah orang pertama akan guna vaksin itu," katanya dalam sidang media mingguan PICK di sini, pada Isnin.

Dalam perkembangan lain, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, Malaysia akan meneruskan pembelian vaksin AstraZeneca memandangkan tiada bukti penggunaan vaksin berkenaan menyebabkan darah beku.



Khairy Jamaluddin bakal terima Vaksin Sinovac pada 18 Mac ini

Katanya, bagaimanapun pihaknya akan terus memantau ujian klinikal vaksin terbabit dengan mengambil kira kesan-kesan seperti yang didakwa.

"Setakat ini tidak ada yang menunjukkan kaitan langsung antara pemberian vaksin itu dengan kes darah beku yang menyebabkan kematian.

- | | | |
|----------|-------|---|
| MALAYSIA | 26:29 | AWANI Pagi: Berita tumpuan & kemaskini COVID-19 [16 Mac 2021] |
| MALAYSIA | 1:58 | Rasuah Busters Putuskan rantaian rasuah dari bilis sehingga ke jerung |
| MALAYSIA | 0:59 | AWANI Ringkas: WHO pertahan AstraZeneca Thailand mulakan pemberian AstraZeneca |
| MALAYSIA | 0:59 | AWANI Ringkas: Muktamad isu kalimah Allah hari ini Malaysia tetap beli AstraZeneca |

Berita Terkini

[Lagi](#)

- | | |
|---------|---|
| DUNIA | Lelaki dituduh curi bateri, roda motosikal dipukul sehingga mati |
| SUKAN | Lee Tuck enggan campur tangan urusan 'rehatkan' jurulatih Sri Pahang |
| DUNIA | Tempah helikopter tabur duit ketika majlis perkahwinan |
| POLITIK | Annuar Musa yakin gandingan UMNO, Bersatu dan Pas boleh menang 149 kerusi parlimen |
| SUKAN | Tewaskan Wolves, peluang Liverpool berada dalam kelompok empat teratas kembali cerah |

Dapatkan berita terkini melalui emel anda




"Namun demikian, kita masih lagi kaji perkara tersebut dan vaksin belum sampai ke Malaysia. Kita juga belum menggunakannya, tetapi dalam tempoh masa ini, kita akan terus lihat kepada data ujian klinikal berkenaan dengan kejadian-kejadian tersebut.

Emel Anda

DAFTAR

"Apabila pakar telah buat rumusan terhadap isu ini, kita akan umumkan nanti dan buat masa ini tiada apa-apa pendirian lain dan kita kekal untuk teruskan pembelian," katanya,

Sementara itu, Khairy berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) hari ini memutuskan untuk tidak meneruskan perolehan bekalan vaksin satu dos suntikan daripada syarikat Johnson & Johnson (J&J) dari Amerika Syarikat (AS).



*[TERKINI] Perkembangan Program Imunisasi COVID-19
Kebangsaan*



Dapatkan berita kami melalui emel anda

Cara lain mengikuti berita kami



#Khairy Jamaluddin #Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
#COVID-19 #Sains #AstraZeneca #China
#Amerika Syarikat #Vaksin Sinovac

[POLISI PRIVASI](#) [TERMA PENGGUNAAN](#) [PELABUR](#)

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.